

7993

**Warisan: jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, cawangan
Negeri Sembilan 11 (1986)**

**PENGISTIHARAN
KOTA KEMBAR SEREMBAN – BUKIT TINGGI
MEMPERERATKAN LAGI HUBUNGAN
PERSAUDARAAN DAN KEKELUARGAAN**

Oleh: Mohd. Hisa b. Tahat.


Sebahagian besar orang-orang Negeri Sembilan berasal dari Daerah Minang Sumatera Barat, Indonesia. Bukan sahaja keturunan dan rumpunnya sama tetapi juga budaya dan bahasanya juga adalah sama. Menambahkan eratnya lagi hubungan Wilayah Minangkabau dengan rakyat Negeri Sembilan ialah Raja yang memerintah di Negeri Sembilan adalah berketurunan dari Minangkabau iaitu Raja Melewar anak Yang Di Pertua Abdul Jalal Johan Berdaulat Raja Alam Minangkabau dari Pagar Ruyung memerintah di Negeri Sembilan sejak tahun 1773 masehi.

Orang-orang Negeri Sembilan yang berasal dari Minangkabau memang masih kekal menganuti tradisi Adat Perpatih, Budaya dan Ekonomi yang sama iaitu bersawah padi. Sebilangan orang-orang di Negeri Sembilan masih mempunyai saudara mara dan berhubungan dengan keluarga mereka di Minangkabau.

Orang Minangkabau memang suka berdagang dan merantau untuk berniaga. Di rantau Alam Melayu ini memang tidak asing lagi bagi orang-orang Minang. Pendek kata di mana sahaja kita pergi ada orang Minang di sana. Sejarah awal yang dapat dikesan menunjukkan bahawa orang Minang sudah berada di Temasik (Singapura) kira-kira dalam tahun 1059, dan dalam tahun yang sama didapati 5 orang Minangkabau telah bertolak ke Mekah di antara 9 orang dari Alam Melayu (Nusantara).

Penerokaan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan bermula pada abad ke 15, membawa bersamanya kebudayaan bersawah ladang dan Adat Perpatih Ketemenggungan dan Agama Islam.

Pada tahun 1773 masehi Raja Melewar telah dijemput untuk merajai tahta Kerajaan Negeri Sembilan. Kemudian diikuti seramai 2 orang lagi anak raja yang dijemput dari Pagar Ruyung iaitu Raja Hitam dan Raja Lenggang. Tetapi sejak Raja Radin anak Raja Lenggang dari Pagar Ruyung tidak dijemput lagi, oleh itu keluarga raja yang memerintah Negeri Sembilan pada ketika itu dipilih untuk memerintah Negeri Sembilan hinggalah sekarang ini.




*Sebahagian daripada beratus-ratus Dato'-dato' adat di Hari
Pengisytiharan Bandar Kembar Seremban Bukit - Tinggi*

PENGWUJUDAN BANDAR KEMBAR SEREMBAN - BUKIT TINGGI

Hubungan kekeluargaan, adat, kebudayaan, bahasa dan darah telah membawa pengwujudan hubungan yang lebih erat lagi dan keinginan untuk bekerjasama dalam bidang-bidang sosial, kebudayaan dan ekonomi dalam mempertingkatkan lagi kehidupan rakyat dua negara yang berasal dari rumpun yang sama telah diusaha dan dirancang bersama.

Mulai 1986 kedua belah pihak Kerajaan Negeri Sembilan dan Pemerintah Sumatera Barat telah mula berusaha memikirkan cara untuk kedua belah pihak rakyat dapat mengeratkan hubungan yang sudah sedia ada melalui kegiatan kesenian, kebudayaan dan sukan. Kunjung mengunjung antara kedua pihak Kerajaan telah dilakukan sehinggalah akhir November, 1986. Kata sepakat kedua belah pihak telah dicapai dan suatu rumusan pernyataan bersama Kota Bersaudara Seremban - Bukit Tinggi telah dicipta dan tarikh dimeterikan pengisytiharannya pada 16hb. Disember, 1986 di Bukit Tinggi.



*Puluhan ribu rakyat Minangkabau menyaksikan perarakan raksaksa
Sempena Sambutan Pengisytiharan Bandar Kembar
Seremban – Bukit Tinggi pada 16hb. Disember 1986.*

PERNYATAAN BERSAMA KOTA BERSAUDARA

Suatu piagam pernyataan bersama antara Pemerintah Kotamadya Daerah Tingkat II Bukit Tinggi, Sumatera Barat, Indonesia dengan Majlis Perbandaran Seremban Negeri Sembilan, Malaysia telah dibuat dan ditandatangani oleh YAB. Dato' Mohd. Isa b. Dato' Hj. Abd. Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Selaku Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Seremban dan Bapak Busrul Burhanuddin Dato' Bandar Kotamadya Bukit Tinggi pada 6hb. Disember, 1986.

Antara kandungan pernyataan tersebut ialah:-

1. Peningkatan apresiasi/pertukaran kesenian dan kebudayaan.
2. Peningkatan pelancongan.
3. Pertukaran Pengalaman di bidang kerajinan/Industri Rumahtangga.

4. Pertukaran pengalaman di bidang pentadbiran dan pembangunan.
5. Pembinaan generasi muda dan olahraga.

Berdasarkan bidang-bidang negiota yang termaktub dalam Piagam Hubungan Persahabatan yang ditandatangani oleh kedua-dua pemimpin Pemerintah kedua buah Kota, Pengwujudan hubungan persahabatan/persaudaraan (Sister Cities) antara Seremban dan Bukit Tinggi adalah sebagai berikut:-



YAB. Dato' Mohd Isa dan Datin Hazizah disambut dengan penuh adat Minangkabau oleh Gabenor Sumatra Barat.

A. Bidang Kesenian dan Kebudayaan:

Pertukaran misi Kesenian dan Kebudayaan terutama tradisional Minangkabau/ Negeri Sembilan/Seremban baik dalam bidang apresiasi mahupun dalam bidang pelancungan.

B. Bidang Pelancungan.

Peningkatan Industri Pelancungan dengan kegiatan-kegiatan:-

1. Peningkatan/Penyempurnaan akomodasi yang sedia ada.

2. Meningkatkan kawasan-kawasan pelancongan di Bukit Tinggi dan sekitarnya.
3. Mengwujudkan promosi pelancongan di Bukit Tinggi dan Seremban.
4. Mendorong untuk mengwujudkan hubungan penerbangan langsung Kuala Lumpur – Padang oleh MAS, GARUDA / MERPATI.
5. Berusaha untuk mengwujudkan 'Package Tour' melalui Jalan Darat melalui feri antara Pulau Pinang – Belawan dan Dumai – Melaka.

C. Bidang Industri/Kemahiran Kerjatangan.

1. Mengwujudkan promosi jualan hasil-hasil industri Kerjatangan di Seremban.
2. Bekerjasama mengadakan bahan-bahan industri kerjatangan.
3. Bekerjasama mengadakan show room hasil-hasil Industri Kerjatangan di Seremban.
4. Mengadakan pekan promosi bersama dalam bidang pelancongan di Seremban dan Bukit Tinggi.

D. Bidang Pentadbiran dan Perancangan Bandar.

1. Pertukaran idea dan pengalaman di bidang penyelenggaraan pembangunan dan perancangan kota.
2. Latihan kerja staf dalam bidang perancangan bandar.

E. Bidang Belia dan Olahraga.

1. Meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan teknologi.
2. Pertukaran misi belia terutama di bidang kesenian olahraga dan latihan kerja.